



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT

## SIARAN MEDIA

### KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN – PERMULAAN PENETAPAN MINDA USAHAWAN SELURUH MALAYSIA

---

**PUTRAJAYA, 10 Januari 2020** – Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah memperkenalkan program rintis Kursus Asas Keusahawanan (KAK) pada tahun 2019 bertujuan melatih dan membangun kapasiti usahawan seiring dengan Teras 1 Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030). Program yang dilaksanakan selama dua hari ini telah dijalankan di 20 lokasi seluruh negara dan diterajui agensi di bawah MED iaitu Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM). Seramai 1,063 usahawan daripada pelbagai latar belakang telah menyertai program ini sepanjang penganjurannya pada tahun 2019.

Pada tahun 2020, MED melalui agensi-agensinya merancang untuk menganjurkan 40 program KAK di seluruh negara dan melatih 2,000 usahawan berdasarkan kepada jumlah permintaan dalam kalangan usahawan serta impak positif yang diterima pada tahun lepas.

Program KAK ini memberi tumpuan untuk melatih bakal usahawan dan usahawan baharu dalam bidang keusahawanan meliputi proses memulakan perniagaan, pengurusan kewangan, pengurusan jualan dan pemasaran, pengurusan operasi perniagaan dan pematuhan kepada aspek perundangan perniagaan termasuk pendaftaran perniagaan, integriti, percukaian dan lain-lain keperluan berkaitan. Untuk julung-julung kalinya Ujian Psikometri (MyNEPT) telah diperkenalkan untuk membantu bakal usahawan mengenali kecenderungan diri sendiri dan keperluan dari aspek kajian usahawan-usahawan yang berjaya.

Melalui pengalaman dan kajian keberkesanan kursus, KAK menyasarkan 60% peserta memulakan perniagaan setelah tamat latihan. Sebagai nilai tambah, peserta KAK juga mendapat pendedahan modul serta maklumat program pembangunan

kapasiti keusahawanan seperti bimbingan dan latihan, insentif berbentuk geran atau pembiayaan perniagaan yang ditawarkan oleh agensi di bawah MED mahupun agensi keusahawanan lain.

Usahawan yang berminat untuk menyertai kursus KAK boleh mendapatkan capaian umum di enjin carian program latihan keusahawanan melalui laman web rasmi MED di [www.med.gov.my](http://www.med.gov.my).

Selain KAK, Agensi-agensi MED turut menawarkan pelbagai kursus keusahawanan seperti:

- kursus E-Usahawan untuk warga koperator, usahawan dan bakal usahawan di bawah IKM;
- Kursus Kewangan, Perakaunan, Kepimpinan & Sumber Manusia dan Strategi oleh Centre For Entrepreneur Development and Research (CEDAR), di bawah SME Bank; dan
- Kursus Latihan dan Bimbingan Usahawan Muda / Belia di bawah MAGIC.

Usahawan dan bakal usahawan dapat mencari program latihan yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan mereka secara atas talian, dipautkan secara terus ke laman pendaftaran program mengikut agensi pelaksana masing-masing. Ini bagi memudahkan usahawan tempatan untuk mencari dan mengenalpasti program latihan yang ditawarkan oleh agensi di bawah MED sepanjang 2020.

**Kementerian Pembangunan Usahawan (MED)**  
**10 Januari 2020**

